



SULIT

**KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM**  
**DIRECTOR GENERAL OF PUBLIC SERVICE**  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA)  
Public Service Department Of Malaysia (PSD)  
Aras 13, Blok C1, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 PUTRAJAYA  
MALAYSIA



Tel: 603-88853001  
Faks (Fax): 603-88892187  
Laman Web (Web): [www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my)  
E-mel (E-mail): [zabidi@jpa.gov.my](mailto:zabidi@jpa.gov.my)

JPA.BK(S)343/7-4 (14 )

15 Julai 2016

## **SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN**

YBhg.Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato',

## **LARANGAN MEMBUAT PERNYATAAN AWAM OLEH PEGAWAI AWAM**

Dengan hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato' mengenai perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato' sedia maklum, pegawai awam termasuk Ketua-Ketua Jabatan adalah dilarang sama sekali membuat pernyataan awam khususnya berkaitan sesuatu dasar Kerajaan sama ada secara lisan, bertulis atau apa-apa cara. Pernyataan awam bermaksud apa-apa pernyataan atau ulasan yang dibuat kepada pihak akhbar atau orang ramai semasa memberikan syarahan atau ucapan awam atau dalam apa-apa penyiaran atau penerbitan.

3. Larangan berkaitan perkara ini dinyatakan di dalam peraturan 19(1) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U(A)395/1993], pegawai awam tidak boleh, secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain –

- a) membuat apa-apa pernyataan awam yang boleh memudaratkan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan Kerajaan tentang apa-apa isu;
- b) membuat apa-apa pernyataan awam yang boleh memalukan atau memburukkan nama Kerajaan;

**SULIT**

- c) membuat apa-apa ulasan tentang kelemahan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan Kerajaan; atau
- d) mengedarkan apa-apa pernyataan atau ulasan, sama ada yang dibuat olehnya atau mana-mana orang lain.

4. Peraturan 19(2) peraturan yang sama juga menyatakan bahawa seseorang pegawai tidak boleh, sama ada secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain -

- a) membuat apa-apa ulasan tentang kelebihan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan Kerajaan;
- b) memberikan apa-apa maklumat berdasarkan fakta berhubung dengan penjalanan fungsi Kerajaan;
- c) memberikan apa-apa penjelasan berkenaan dengan apa-apa peristiwa atau laporan yang melibatkan kerajaan; atau
- d) menyebarkan apa-apa ulasan, maklumat atau penjelasan sedemikian sama ada yang dibuat olehnya atau mana-mana orang lain,

melainkan jika kebenaran bertulis, sama ada secara am atau khusus telah diperolehi daripada Menteri.

5. Kerajaan mendapati bahawa walaupun terdapat larangan yang jelas berhubung perkara ini, masih terdapat pegawai awam khususnya dalam kalangan Ketua Jabatan yang didapati mengeluarkan pernyataan awam melibatkan perkara-perkara dasar kepada pihak media, tidak kira sama ada perkara dasar itu belum diputuskan atau tidak, atau berbentuk pandangan, saranan atau cadangan yang boleh disalahtafsir sebagai pendirian Kerajaan terhadap sesuatu isu tersebut. Tindakan ini boleh membuka ruang kepada tohmahan, kritikan dan salah tafsiran terhadap suatu dasar Kerajaan apakah lagi sekiranya dasar tersebut masih belum diputuskan. Dalam pada itu, secara tidak langsung, kenyataan-kenyataan yang menyentuh isu dasar juga boleh mendorong tekanan tidak wajar terhadap Kerajaan daripada pelbagai pihak yang terkesan dengan pernyataan awam itu lebih-lebih lagi sekiranya Kerajaan tidak bersedia untuk melaksanakan perkara yang

**SULIT**

dinyatakan tersebut dan perbuatan ini boleh memberikan gambaran yang buruk kepada imej perkhidmatan awam keseluruhannya.

6. Sebarang pemakluman atau hebahan kepada pihak media berkaitan dengan suatu dasar, rancangan, keputusan, penjalanan fungsi Kerajaan, penjelasan akan peristiwa atau laporan yang melibatkan kerajaan, perlu mendapatkan kebenaran daripada YB. Menteri terlebih dahulu, kecuali pemakluman mengenai perkara-perkara yang bersifat pengoperasian atau pelaksanaan apa-apa perkara yang telah diputuskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa atau berdasarkan kepada ketetapan undang-undang sedia ada.

7. Mengambil kira peraturan yang berkuatkuasa dan peringatan yang pernah dikeluarkan sebelum ini menerusi Surat Edaran bertarikh 14 Mei 2010, sekiranya cukup bukti yang menunjukkan pegawai telah melanggar peraturan ini, tindakan tatatertib termasuk buang kerja boleh diambil ke atas pegawai kerana perbuatan tersebut ditafsirkan sebagai ingkar perintah dan menjaskan imej perkhidmatan awam.

8. Sehubungan dengan itu, YBhg.Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato' adalah diminta untuk memberi perhatian serius terhadap perkara ini.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL)**